

PETIKAN PROSA MODEN – DRAMA

LATIHAN 1 Hadiah

Baca bahan di bawah dengan telitinya dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 1 – 5 berdasarkan bahan di bawah.

HAYATI: Adakah peluang Yati untuk meneruskan pelajaran di sekolah itu, tuk?

PAK MAIL: Tuk akan ikhtiarkan, Yati. Pada pagi tadi tuk sudah berjumpa dengan Datuk Penghulu. Tuk terangkan masalah kita.

HAYATI: Di sekolah pun Yati sudah memberitahu Guru Besar, tuk. Beliau telah berjanji untuk menolong Yati.

PAK MAIL: Baguslah, Yati. Moga-moga Tuhan akan menolong kita.

FAUZIAH: Pergilah masuk, Yati. Tukar pakaian itu. Kalau engkau lapar, nasi ada di dapur.

HAYATI: Mak dan datuk sudah makan?

FAUZIAH: Datuk kamu sudah makan tadi. Kalau kamu nak makan, makanlah dulu. Mak akan makan kemudian.

ARAHAN: (*HAYATI masuk membawa begnya ke dalam.*)

PAK: Beginilah hidup kita di dunia, Fauziah. Segala-galanya dalam kuasa Tuhan. Ada isteri yang kehilangan suami. Ada anak yang kehilangan bapa. Kita menganggap bahawa kitalah orang yang paling malang di dunia tetapi yang sebenarnya ada orang yang lebih malang daripada kita.

Dipetik daripada drama 'Hadiah', Antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia

1. Siapakah yang berjanji akan memberikan pertolongan kepada Yati sekeluarga?

- A Pihak sekolah C Jiran tetangga
B Pihak asrama D Saudara-mara

2. Pilih pernyataan yang **tidak benar** tentang suruhan Fauziah kepada Hayati.

- A Menukar pakaian
B Makan jika lapar
C Masuk ke dalam rumah
D Berjumpa dengan Datuk Penghulu

3. Segala-galanya dalam kuasa Tuhan.

Apakah gaya bahasa yang digunakan dalam pernyataan di atas?

A Kata ganda

B Simile

C Metafora

D Sinkope

4. Apakah persamaan perwatakan Pak Maji dan Fauziah dalam petikan drama di atas?

- A Tabah
B Amanah
C Gigih berusaha
D Hormat-menghormati

5. Yang berikut ialah nilai yang terdapat dalam petikan drama di atas **kecuali**

- A ketabahan.
B kasih sayang.
C kerjasama.
D patriotisme.